

No. Sebut harga : MDT/KEWPA24/2025/1

KALI KE -2

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian atau Jabatan:

**MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 TANGKAK, JOHOR.**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

No. S/H	Keterangan aset	No. Pendaftaran	Tahun	Kuantiti	Harga Simpanan
MDT/KEWPA24/2025/1	PROTON PREVE 1.6 CVT	JSB 1653	2017	1	10,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **14 OCT 2025** dan/hingga **22 OCT 2025** di antara jam **9.00 PAGI** hingga **4.00 PETANG** di **PEJABAT BESAR, MAJLIS DAERAH TANGKAK, 84900 TANGKAK, JOHOR.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **MDT/KEWPA24/2025/1** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**PEJABAT BESAR,
MAJLIS DAERAH TANGKAK,
84900 TANGKAK, JOHOR.**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **22 OCT 2025** jam **12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(**HAJI MOHD NAZID BIN JASIMAN**)
Yang Dipertua
Majlis Daerah Tangkak

Tarikh : **13 OCT 2025**
Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000** mengikut **mana yang terendah**. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk wang pos / draf bank sahaja atas nama **MAJLIS DAERAH TANGKAK**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos tukar hakmilik (JPJ & PUSPAKOM), menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam **tempoh satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh **7 hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN

Nama Individu/ Syarikat :

No. Kad Pengenalan/ Pendaftaran Syarikat :

Alamat :

No Tel. :

Kepada:

PEJABAT BESAR,**MAJLIS DAERAH TANGKAK,****84900 TANGKAK, JOHOR.**

Tuan,

Tawaran Untuk Sebut Harga No. : _____ . (sila masukkan no. Sebutharga)

Merujuk kepada perkara di atas, saya/ syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya/ syarikat adalah seperti berikut:-

Bil	Keterangan Aset	Kuantiti	Harga Tawaran (RM)	Deposit Sebut Harga (RM)
1				

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau **RM5,000** mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM _____ (Ringgit Malaysia : _____) dalam bentuk kiriman wang pos / draf bank no. _____ atas nama **MAJLIS DAERAH TANGKAK**.

4. Saya/ syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : _____

Nama/Cap Syarikat : _____

Nama Bank : _____

No. Akaun Bank : _____

TARIKH TUTUP SEBUTHARGA :

22 OCT 2025